



MAJLIS PERBANDARAN JASIN
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN
MELAKA

Telefon : 06-3333333 (samb: 2200)
Pejabat Am : 06-5291245 / 5291811
Faks : 06-5293537
E-mel : info@mpjasin.gov.my
Portal Rasmi : www.mpjasin.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkecenderungan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Jasin.

BIL.	JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	BIL. KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	Penolong Jurutera (Awam)	JA5	RM1,650.00	RM6,620.00	2	Tetap / Kontrak
2.	Penolong Pegawai Senibina	JA5	RM1,650.00	RM6,620.00	1	Kontrak
3.	Penolong Arkitek Landskap	JA5	RM1,650.00	RM6,620.00	1	Kontrak
4.	Pembantu Penguat Kuasa	KP1	RM1,500.00	RM4,680.00	2	Tetap / Kontrak
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N1	RM1,500.00	RM4,680.00	1	Tetap
6.	Pembantu Akauntan	W1	RM1,500.00	RM4,680.00	1	Tetap
7.	Pembantu Kemahiran	H1	RM1,500.00	RM4,680.00	1	Tetap
8.	Pembantu Khidmat Am	H1	RM1,500.00	RM4,680.00	10	Tetap / Kontrak
9.	Pembantu Kesihatan Awam	U1	RM1,500.00	RM4,680.00	1	Kontrak


CARA-CARA MEMOHON:

- (a) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan Kosong MPJ sepenuhnya dengan melayari <https://bit.ly/PermohonanJawatanMPJ062025>.
- (b) Iklan Jawatan Kosong ini juga boleh dicapai dengan melayari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Jasin (<http://www.mpjasin.gov.my>).
- (c) Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- (d) Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim Perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada pautan iklan jawatan kosong di Laman Web Rasmi MPJ.
- (e) Permohonan secara dalam talian ini hendaklah disertakan dengan **gambar terkini berukuran pasport, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran, salinan Sijil Berhenti Sekolah, salinan Sijil Kelayakan Akademik dan salinan sijil-sijil yang berkaitan** bagi menyokong permohonan jawatan ini. Sila pastikan setiap dokumen yang dimuat naik tersebut hendaklah **DISAHKAN**.
- (f) Ijazah / Diploma / Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/esisraf>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.
- (g) Pegawai-pegawai Kerajaan / Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang sedang berkhidmat dikehendaki membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A dan melampirkan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini serta Laporan Penilaian Prestasi 3 tahun yang terkini.
- (h) Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Jun 2025 (Isnin)**.
- (i) Permohonan yang berikut akan ditolak sekiranya: -
 - i. Tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
 - ii. Tidak lengkap;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat dalam iklan.

CATATAN

- (a) Hanya calon-calon yang berkelayakan dan berjaya melepasi tapisan akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan setelah ditemu duga / selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan / temu duga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pihak Majlis Perbandaran Jasin berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
- (d) Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga.

Diluluskan oleh:


(Muhammad Zahiruddin bin Mohd Zahari)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Jasin

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN JAWATAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

Jawatan 1 – Penolong Jurutera (Awam) Gred JA5

Skim Perkhidmatan	: Penolong Jurutera
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kejuruteraan
Gred Jawatan	: JA5
Jadual Gaji	: RM1,650.00 (Minimum) – RM6,620.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 2 – Penolong Pegawai Senibina Gred JA5

Skim Perkhidmatan	: Penolong Pegawai Senibina
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kejuruteraan
Gred Jawatan	: JA5
Jadual Gaji	: RM1,650.00 (Minimum) – RM6,620.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 3 – Penolong Arkitek Landskap Gred JA5

Skim Perkhidmatan	: Penolong Arkitek Landskap
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kejuruteraan
Gred Jawatan	: JA5
Jadual Gaji	: RM1,650.00 (Minimum) – RM6,620.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Teknologi dalam bidang Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Sijil Seni Bina, Sijil dalam bidang Perancangan Bandar atau Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (iii) Diploma Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 4 – Pembantu Penguat Kuasa Gred KP1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Penguat Kuasa
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Keselamatan dan Pertahanan Awam
Gred Jawatan	: KP1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
 - (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,561.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,622.00); dan
- (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- (d) calon bagi lantikan dengan kelayakan b(i), b(ii), b(iv) dan b(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 5 – Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran dan Sokongan
Gred Jawatan	: N1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,622.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana.

Jawatan 6 – Pembantu Akauntan Gred W1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Akauntan
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kewangan
Gred Jawatan	: W1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,622.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,622.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 7 – Pembantu Kemahiran Gred H1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Kemahiran
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Gred Jawatan	: H1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 8 – Pembantu Khidmat Am Gred H1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Khidmat Am
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Gred Jawatan	: H1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang seperti berikut:

Bil.	Bidang	Syarat / Tugas
i.	Kulinari dan penyediaan makanan	- mempunyai sijil dalam bidang kulinari; dan - menyelaras penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat / majlis / program.
ii.	Landskap dan pembersihan awam	- mempunyai sijil dalam bidang landskap; - melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di dalam kawasan operasi; dan - melaksanakan lain-lain tugas rencam seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta keceriaan kawasan.
iii.	Pertukangan	- mempunyai sijil dalam bidang pertukangan kayu / sijil kejuruteraan elektrik; - membantu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih kerosakan kecil; dan - membantu kerja-kerja sokongan operasi berkaitan elektrik dan elektronik.
iv.	Pemanduan kenderaan	- keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki LESEN E dan ke atas; dan - memastikan kenderaan dalam keadaan baik berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa dan sesuai untuk perjalanan mengikut kesesuaian destinasi.
v.	Pengurusan / penyampaian dokumen	- keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki LESEN B2 dan D; dan - melaksanakan tugas penyampaian dan kutipan dokumen.

Jawatan 9 – Pembantu Kesihatan Awam Gred U1

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Kesihatan Awam
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Perubatan dan Kesihatan
Gred Jawatan	: U1
Jadual Gaji	: RM 1,500.00 (Minimum) – RM 4,680.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan). (Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,561.00);
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.